

# F.M terima laporan Mapen

KUALA LUMPUR: Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) setebal 600 halaman, yang menggariskan dasar ekonomi negara selepas 1990 bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru, diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, semalam.

Dengan penyerahan laporan itu, Mapen yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ghazali Shafie wujud selama dua tahun untuk merumus dan menyiapkan laporan itu, dibubarkan.

Laporan yang dinamakan Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara (Depan) akan menjadi panduan merangka dasar ekonomi negara selepas 1990.

Datuk Seri Dr Mahathir, dalam ucapannya, berkata kerajaan akan memberi perhatian kepada laporan itu walaupun perakuannya tidak akan dilaksanakan secara keseluruhannya.

Katanya, ini kerana ia bukan laporan "konsensus" keseluruhan anggota Mapen.

Dua puluh enam daripada 150 anggota Mapen meninggalkan majlis itu pada beberapa peringkat sebelum laporan itu diserahkan kepada kerajaan.

"Kerajaan tentulah terpaksa memasukkan beberapa pendapat lain ke dalam dasar ekonomi negara selepas 1990," katanya.

"Walaupun majoriti ahli majlis perundingan bersetuju dengan laporan ini, tidak bermakna ia diterima sebulat suara dan tidak bermakna diterima oleh semua pihak. Oleh itu laporan ini bukanlah laporan kesepakatan seluruh ahli Mapen," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, anggota parti pembangkang yang keluar daripada Mapen sebelum menyelesaikan tugas mereka, adalah pengecut.

"Oleh kerana ketika pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dulu mereka tidak terbabit, kerajaan terpaksa menerima pendirian mereka yang mengkritik dan tidak bersetuju dengan DEB.

"Apabila DEB tidak mencapai matlamat sepenuhnya, kita lantik mereka untuk mengambil bahagian membentuk dasar ekonomi selepas 1990. Malangnya, mereka memilih untuk tidak menerima kesepakatan, ini untuk memberi peluang kepada mereka untuk mengkritik apa saja hasil laporan selepas ini," kata Perdana Menteri.

Katanya, mereka yang keluar daripada Mapen dan tidak mahu bersetakat adalah golongan minoriti yang jika diberi peluang melaksanakan cita-cita mereka, akan mencerminkan dasar serta cita-cita minoriti.

LIHAT MUKA 2

## Laporan Mapen unik

### DARI MUKA 1

Menurutnya, walaupun kerajaan tidak menerima bulat-bulat semua cadangan berkenaan, tidak bermakna jasa dan tenaga ahli Mapen tidak dihargai.

Datuk Seri Dr Mahathir menyampaikan sijil penghargaan kepada semua 124 ahli Mapen yang hadir di majlis itu.

Sebelum itu, Tan Sri Ghazali, dalam ucapannya, berkata fungsi dan laporan yang dikemukakan oleh Mapen sangat unik kerana ia adalah satu-satunya proses pembentukan dasar negara melalui perundingan semua pihak mewakili pelbagai lapisan.

"Proses perundingan dasar itu benar-benar mengikut lunas demokrasi kerana semua yang terbabit mengemukakan pendapat masing-masing, walaupun dalam suasana hangat dan berbeza-beza, akhirnya mencapai kesepakatan," katanya.

Sementara itu, Tan Sri Ghazali dalam satu sidang akhbar di sini menjelaskan laporan Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara (Depan) menggariskan enam isu utama yang menjadi garis panduan kepada matlamat dasar ekonomi baru selepas 1990.

Enam isu itu meliputi bidang pendidikan, perniagaan, perindustrian, sumber tenaga manusia, kualiti alam sekitar

dan wanita.

Tan Sri Ghazali berkata, laporan cadangan dasar ekonomi baru itu kini menjadi milik kerajaan sebaik saja diserahkan kepada Perdana Menteri semalam.

Tan Sri Ghazali berkata, laporan Depan setebal 600 muka surat yang diperakukan oleh semua 124 anggota Mapen daripada 150 anggota asal, tidak menumpukan kepada satu-satu bangsa, sebaliknya bertujuan membangunkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum.

"Ia mencerminkan matlamat yang sama untuk semua dan Depan boleh diertikan sebagai ke depan bersama," katanya.